

28/02/2003

Sekat dominasi dolar AS (HL)

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, dunia perlu diberi pilihan menggunakan mata wang lain, seperti euro, yen atau dinar emas, kerana dominasi dolar Amerika Syarikat (AS) dalam perdagangan antarabangsa didapati sudah menjejaskan ekonomi dunia.

Perdana Menteri berkata, apabila pasaran global meletakkan nilai yang terlalu tinggi kepada satu mata wang saja, ia menjadi terlalu berkuasa sehingga boleh memberi kesan yang merugikan dunia.

Dr Mahathir berkata, pilihan menggunakan mata wang lain juga harus diberi kerana ketika ini tiada apa yang boleh menyokong nilai dolar AS selain kepercayaan orang terhadapnya.

Saranan itu dikemukakan Perdana Menteri pada sesi dialog dengan 31 wartawan asing yang membuat liputan Sidang Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) di pejabatnya di sini, semalam.

Pada sesi dialog itu, seorang wartawan asing bertanya kemungkinan ada cara lain, selain menggunakan minyak sebagai senjata, bagi menghalang serangan AS ke atas Iraq.

Kelmarin, mesyuarat tidak rasmi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang diadakan sehari selepas sidang kemuncak NAM, memutuskan untuk mengkaji menggunakan minyak sebagai senjata menghalang AS dan sekutunya menyerang Iraq.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, beliau ada membaca satu rencana yang mengatakan AS sering meminjam wang.

"Amerika mempunyai defisit yang besar, tetapi untuk sepuluh tahun ini kadarnya semakin melambung.

"Pada masa sama, Jepun yang membuat banyak wang, simpan banyak wang dan mempunyai rizab yang besar, masih tidak dapat keluar daripada masalah ekonomi.

"Mengapa ini berlaku? Ia kerana kita terlalu memberi nilai yang tinggi kepada dolar Amerika. Tiada apa yang boleh menyokong dolar Amerika lagi selain kepercayaan orang terhadapnya," kata Dr Mahathir.

Penggunaan dolar Amerika dilihat sebagai sesuatu yang boleh menjejaskan

kestabilan ekonomi sejagat kerana ketika ini nilai mata wang utama dunia itu tidak lagi bersandarkan rizab emas negara berkenaan.

Ini berikutan tindakan Amerika Syarikat dan beberapa sekutunya pada 1971, menamatkan amalan sistem kewangan dunia berasaskan model Bretton Woods yang menilai mata wang sesebuah negara berdasarkan rizab emas yang disimpannya.

Model Bretton Woods gagal kerana Amerika dan beberapa negara lain mencetak wang lebih daripada rizab emas yang dimilikinya sehingga wujudlah

sistem kewangan baru yang dinamakan wang fiat, iaitu wang yang tidak mempunyai nilai sandaran emas.

Dr Mahathir bagaimanapun berkata, pergerakan nilai mata wang yang

kadang

kala berlaku kesan kegiatan manipulasi adalah tidak sihat, terutama apabila sesebuah negara hanya mempunyai satu mata wang sebagai "benchmark" (tanda aras).

Perdana Menteri berkata, ketika krisis kewangan berlaku, nilai dolar Amerika yang terlalu tinggi berbanding ringgit, menyebabkan Malaysia dan Indonesia merasai kesan yang amat teruk.

"Jadi, adalah jelas, sekiranya kita menggunakan satu mata wang saja untuk urusan perniagaan, kita mendedahkan diri kita kepada bahaya manipulasi. Kita tidak mahu perkara ini berlaku," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata, satu strategi perlu difikirkan supaya pasaran dunia dapat menggunakan mata wang lain dalam perdagangan antarabangsa.

Beliau berkata, perdagangan minyak dunia juga tidak seharusnya disebut dalam dolar Amerika semata-mata.

"Hari ini, harga minyak sebenarnya bukan AS\$36 setong jika anda mengambil nilai dolar satu atau tiga tahun lalu. Mata wang Amerika ini sudah menyusut.

"Sebagai contoh, Jepun terpaksa membayar AS\$36 bagi setong minyak, tetapi nilai itu adalah lebih rendah daripada yen kerana nilai yen telah meningkat," katanya. Dr Mahathir berkata, tindakan Malaysia menyimpan rizabnya dalam dolar Amerika juga memberi faedah kepada mata wang itu dan Amerika Syarikat sendiri.

"Namun, sejak kita tidak suka satu polis (dunia), kita patut menyimpan wang kita di dalam euro, yen atau juga emas bagi tujuan transaksi (urus niaga)," katanya.

Pada sesi dialog itu, Dr Mahathir turut menjelaskan pelbagai isu lain termasuk konflik Iraq dan sentimen terhadap Amerika.